



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE (IJHPL)**

[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



## **ISU DAN CABARAN GURU CINA DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA**

*ISSUES AND CHALLENGES FACED BY CHINESE TEACHERS IN TEACHING  
THE MALAY LANGUAGE AT SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA*

Mohd Saiful Othman<sup>1\*</sup>, Nor Azwahanum Nor Shaid<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Khoon Aik, Kangar, Malaysia  
Email: saifulothman3719@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: azwahanum@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 19.09.2021

Revised date: 07.10.2021

Accepted date: 15.10.2021

Published date: 05.12.2021

#### **To cite this document:**

Othman, M. S., & Shaid, N. A. N. (2021). Isu Dan Cabaran Guru Cina Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16), 01-15.

**DOI:** 10.35631/IJHPL.416001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Kertas konsep ini membincangkan isu dan cabaran-cabaran guru Cina dalam pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Seiring dengan fungsi bahasa Melayu iaitu sebagai bahasa kebangsaan, maka bahasa Melayu bukan sahaja perlu dikuasai oleh kaum Melayu malahan semua kaum yang terdapat di Malaysia. Penguasaan bahasa Melayu yang baik dapat memupuk jati diri setiap rakyat di negara ini. Bahasa Melayu juga merupakan mata pelajaran wajib yang perlu dipelajari oleh setiap murid termasuklah murid di SJKC. Pengajaran Bahasa Melayu oleh guru-guru Cina di SJKC bukanlah satu perkara yang mudah kerana murid-murid Cina bukan penutur jati bahasa Melayu. Berbeza dengan bahasa ibunda mereka, bahasa Melayu hanya digunakan oleh murid Cina semasa pembelajaran di dalam kelas dan agak kurang digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Murid-murid Cina juga memperlihatkan tahap minat yang rendah terhadap bahasa Melayu dengan tanggapan bahawa mempelajari bahasa Melayu adalah sukar. Oleh itu, pencapaian murid Cina dalam Bahasa Melayu masih kurang memuaskan. Justeru, fokus utama kertas konsep ini adalah untuk mengupas isu dan cabaran guru Cina dalam pengajaran Bahasa Melayu. Cabaran-cabaran yang dihadapi ini menyukarkan guru dalam memastikan pencapaian murid memuaskan. Pelbagai langkah perlu dilakukan agar kualiti pengajaran Bahasa Melayu di SJKC dapat ditingkatkan dan seterusnya dapat melahirkan murid Cina yang fasih berbahasa Melayu. Justeru, guru-guru Cina yang mengajarkan Bahasa Melayu di SJKC perlu menggalas tanggungjawab ini dengan melakukan pelbagai inisiatif demi meningkatkan pencapaian murid Cina dalam Bahasa

Melayu. Melalui kertas konsep ini diharapkan agar dapat mendedahkan kepada pelbagai pihak tentang isu mengenai pengajaran Bahasa Melayu oleh guru Cina di SJKC.

**Kata Kunci:**

Isu, Cabaran, Guru Cina, Pengajaran, Bahasa Melayu

**Abstract:**

This concept paper discusses the issues and challenges faced by Chinese teachers in teaching the Malay language at Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). In accordance with the functionality of the Malay language as the national language, the Malay language should not only be mastered by the Malays but for all races in Malaysia. Good command of the Malay language can foster the self-esteem of every citizen in this country. The Malay language is also a compulsory subject that should be studied by every student, including students at SJKC. Teaching the Malay Language by Chinese teachers in SJKC is not an easy job because Chinese students are not native speakers of the Malay language. It is much different from their native language, the Malay language is only used by Chinese students during lessons and they seldom use it in their daily life. Chinese students are lack interest in learning the Malay language because it seems that learning the Malay language is very difficult for them. Therefore, the Chinese students' achievement in the Malay language is still not satisfactory. Thus, the main focus of this concept paper is to analyse the issues and challenges faced by Chinese teachers in teaching the Malay language. These challenges make it difficult for teachers in ensuring satisfactory achievement among pupils. Various methods should be taken to improve the quality of teaching the Malays language in SJKC and thus to produce Chinese students who are fluent in speaking the Malay language. Therefore, the Chinese teachers who teach the Malay language in SJKC have to bear this responsibility by taking various initiatives to enhance the achievement of Chinese students in Malay language learning. Through this concept paper, it is hoped to reveal the issue of teaching the Malay language by Chinese teachers in SJKC to various parties.

**Keywords:**

Issues, Challenges, Chinese Teachers, Teaching, Malay Language

## Pengenalan

Umum mengetahui bahawa sistem pendidikan di Malaysia menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama serta diangkat menjadi bahasa rasmi negara dan bahasa kebangsaan. Menurut Awang Sariyan (2016), bidang pendidikan menjadi satu alat pemupukan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang bangsa di negara ini. Pelbagai perubahan telah dilakukan dalam bidang pendidikan bagi merealisasikan matlamat tersebut. Sebagaimana yang dapat dilihat, menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan salah satu daripada usaha yang telah dilakukan. Melalui PPPM ini, akses yang saksama disediakan kepada semua murid dalam usaha memastikan semua murid dapat menguasai kemahiran-kemahiran dalam Bahasa Melayu. Justeru, PPPM merupakan satu dasar yang mampu menjadikan sistem pendidikan di Malaysia yang berkualiti dan bertaraf

antarabangsa. Selain PPPM, kerajaan juga telah melancarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kesepaduan terhadap pendekatan ditekankan melalui KKSR ini, iaitu beberapa prinsip diberikan penekanan seperti menggabungkan unsur nilai, kemahiran dan pengetahuan. Untuk mewujudkan kesepaduan dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS), penekanan terhadap aspek-aspek ini diberikan tumpuan yang utama. Bagi mengharungi cabaran dalam kehidupan sehari-hari serta pendidikan sepanjang hayat, pelaksanaan KSSR ini berupaya menyediakan peluang yang luas, adil dan sama rata kepada murid (Amirra Shazreena & Vijaya Letchumy, 2019).

Menguasai bahasa Melayu dengan baik amatlah penting untuk menambahkan ilmu, kompetensi dan kemahiran bagi seseorang murid. Namun, pada hari ini kita dapat melihat situasi sebenar kedudukan bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati bahasa Melayu terutamanya murid Cina yang tidak mengangkat kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Kajian Abdul Rasid (2001) menunjukkan bahawa murid-murid Cina serta ahli keluarga mereka tidak menggunakan bahasa Melayu semasa di rumah. Bahasa yang menjadi pilihan murid Cina atau ibu bapa mereka sebagai bahasa utama pertuturan semasa di rumah ialah bahasa Cina atau bahasa Inggeris. Kajian Chew (2016) pula mendapati ramai murid Cina tidak gemar memilih bahan bacaan dan buku berbahasa Melayu sebagai sumber utama untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Keadaan ini berlaku kerana murid Cina belum dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik dan masih tidak fasih untuk bertutur dalam bahasa Melayu meskipun mereka mengetahui bahawa bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia ialah bahasa Melayu dan semua murid yang bersekolah di negara ini adalah diwajibkan untuk lulus dalam subjek Bahasa Melayu dalam peperiksaan (Teo, 2014). Hal ini berlaku kerana mereka merasakan bahawa bahasa Melayu tidak begitu penting serta penggunaannya hanya untuk berkomunikasi secara santai dan dalam suasana tidak formal sahaja. Bukan itu sahaja, mereka turut memandang bahasa Melayu tidak penting dan tidak perlu dikuasai dalam kehidupan. Oleh itu, mereka beranggapan bahawa tidak akan timbul masalah sekiranya mereka masih tidak cekap untuk menggunakan bahasa Melayu. Tambahan pula, golongan ini mengatakan bahawa perkara yang menyebabkan mereka perlu menguasai sesuatu kemahiran yang terdapat dalam bahasa Melayu adalah disebabkan ingin lulus dalam peperiksaan sahaja (Zamri, Kamiliah Ayu & Wan Muna Ruzanna, 2016).

Murid bukan berbangsa Melayu di SJKC ialah murid yang mempelajari dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, iaitu selain bahasa ibunda mereka. Murid ini dikategorikan sebagai murid kaum Cina dan mendapat pendidikan di SJKC. Mereka turut diklasifikasikan sebagai murid bukan berbangsa Melayu dan mempunyai keluarga daripada keturunan Cina (Mahzan, 2016) serta bukan penutur asli bahasa Melayu (Chew, 2016). Bagi murid yang bukan kaum Melayu, kemahiran dalam bahasa Melayu amat berbeza dengan kemahiran dalam bahasa ibunda mereka. Hal ini menjelaskan bahawa murid bukan Melayu memperoleh satu kemahiran tambahan apabila mempelajari kemahiran dalam bahasa Melayu. Menurut Fadzilah dan Norazlina (2015), tahap penguasaan kemahiran dalam bahasa Melayu boleh didefinisikan sebagai tahap kecekapan berbahasa Melayu. Dalam aspek kecekapan berbahasa Melayu, terdapat empat kemahiran penting yang perlu dikuasai, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran mendengar mendahului kemahiran-kemahiran yang lain dalam aspek menguasai kemahiran dan kecekapan berbahasa Melayu. Keempat-empat kemahiran ini mempunyai hubungan dan perkaitan bagi setiap kemahiran tersebut. Oleh itu, semua kemahiran ini perlu dikuasai untuk mencapai tahap kesempurnaan dalam kecekapan berbahasa Melayu.

Berpandukan Standard Kurikulum Bahasa Melayu, kemahiran asas dalam bahasa Melayu perlu dikuasai oleh semua murid, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Satu dasar pendidikan telah diseragamkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi melahirkan murid yang berketerampilan dalam berbahasa Melayu. Dasar ini begitu penting dalam aspek menyediakan peluang kepada murid bukan penutur asli bahasa Melayu untuk menguasai kemahiran-kemahiran, mengembangkan keupayaan dan dapat komunikasi menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Hasrat utama dasar tersebut adalah untuk melahirkan rasa cinta akan bahasa dan negara di bawah satu payung perpaduan di samping memartabatkan bahasa Melayu. Pihak KPM telah melaksanakan KSSR Bahasa Melayu untuk mengharungi cabaran murid Cina di SJKC yang mempunyai masalah tahap penguasaan bahasa Melayu yang rendah. KKS ini mula dilaksanakan pada tahun 2011, iaitu untuk murid tahun satu dan dilaksanakan secara menyeluruh bagi semua tahun sekolah rendah pada tahun 2016 (Chew, 2016). Berdasarkan pernyataan ini, adalah menjadi tugas guru Cina yang mengajarkan Bahasa Melayu di SJKC untuk menggalas tanggungjawab dengan mengajar bersungguh-sungguh dan sentiasa sedar akan peranan yang perlu dimainkan oleh mereka bagi memastikan kemahiran-kemahiran asas dalam bahasa Melayu dapat dikuasai dengan baik oleh murid Cina.

### **Isu Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina**

Murid Cina menunjukkan pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Banyak data yang diperoleh memaparkan murid Cina di SJKC mempunyai tahap penguasaan yang kurang baik dalam Bahasa Melayu. Berdasarkan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2018 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perlis menunjukkan SK dan SJKT memperoleh peratus lulus dalam Bahasa Melayu Pemahaman yang lebih tinggi berbanding SJKC. Analisis tersebut menunjukkan SK memperoleh 95.04 peratus, SJKT memperoleh 100 peratus manakala SJKC pula memperoleh 89.67 peratus. Selain itu, pada tahun 2016 juga memaparkan keputusan UPSR SJKC amat kurang memuaskan berbanding keputusan UPSR SK. Berdasarkan analisis Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP), GPMP Bahasa Melayu Penulisan bagi SK adalah 2.55 manakala SJKC pula memperoleh GPMP dalam Bahasa Melayu Penulisan sebanyak 2.99. Berdasarkan analisis data di atas, keputusan Bahasa Melayu bagi SJKC dalam UPSR adalah lebih rendah berbanding SK dan SJKT. Hal ini jelas menunjukkan situasi pembelajaran Bahasa Melayu di SJKC yang memaparkan masalah-masalah yang dihadapi oleh murid Cina. Tahap pencapaian yang diperoleh oleh mereka ini membuktikan bahawa mereka masih belum menguasai kemahiran-kemahiran dalam bahasa Melayu seperti yang diharapkan.

Permasalahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina juga dapat dibuktikan melalui kajian Chee dan Vijaya Letchumi (2016). Kajian ini menjelaskan tentang keputusan UPSR bagi kertas Bahasa Melayu Pemahaman. Analisis keputusan UPSR di SJKC Batu 14, Hulu Langat menunjukkan Bahasa Melayu Pemahaman mencatatkan penurunan. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa Bahasa Melayu Pemahaman memperoleh peratus yang paling rendah berbanding mata pelajaran yang lain. Roasharimah (2017) turut menyatakan bahawa murid bukan penutur natif menunjukkan tahap pencapaian Bahasa Melayu yang rendah berdasarkan keputusan peperiksaan UPSR. Melalui data yang diperoleh ini jelas menunjukkan bahawa pencapaian murid Cina dalam Bahasa Melayu tidak memuaskan dan penguasaan dalam Bahasa Melayu masih belum dicapai oleh mereka dengan baik.

Selain faktor keluarga dan persekitaran, guru juga merupakan faktor yang mempengaruhi pencapaian murid Cina dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini kerana murid Cina tidak menggunakan bahasa Melayu semasa di rumah dan mereka hanya bergantung kepada guru yang mengajar di sekolah. Oleh itu, tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam pengajaran Bahasa Melayu akan mempengaruhi tahap penguasaan murid Cina. Noraini (2015) dan Nurhijrah (2017) menyatakan bahawa keberkesan pengajaran seseorang guru itu dapat ditentukan oleh tahap pengetahuan guru tersebut tentang bahasa dan budaya murid. Sebagaimana yang diketahui, pengajaran Bahasa Melayu di SJKC didominasi oleh guru Cina. Hal ini kerana kebanyakan guru yang mengajar di SJKC merupakan guru Cina. Pengajaran Bahasa Melayu oleh guru Cina tidak menimbulkan masalah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid. Namun, isu yang timbul ialah pengajaran Bahasa Melayu disampaikan dengan menggunakan bahasa Cina. Kebanyakan guru Cina di SJKC menggunakan bahasa Cina dalam pengajaran Bahasa Melayu mereka. Mohd Ridhuan (2020), pengajaran Bahasa Melayu di SJKC pada masa kini sudah berubah, iaitu guru-guru Cina masuk ke kelas dan mengajarkan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahasa Cina. Penggunaan bahasa Cina dalam pengajaran Bahasa Melayu adalah untuk memudahkan murid Cina memahami apa yang diajar. Selain itu, guru Cina yang menggunakan bahasa Cina semasa mengajarkan Bahasa Melayu beranggapan bahawa murid Cina akan lebih mudah memahami isi pelajaran dek kerana bahasa Cina merupakan bahasa ibunda murid. Penggunaan bahasa Cina akan menjadi penghalang kepada murid untuk menguasai satu-satu kemahiran bahasa Melayu yang ingin diterapkan oleh guru pada hari tersebut meskipun mereka dapat memahami maksud yang ingin disampaikan oleh guru. Hal ini kerana mereka tidak dapat mempelajari istilah serta sebutan yang betul dan tepat dalam bahasa Melayu kerana guru tidak menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam pengajaran. Mohd Ridhuan (2020), pengajaran Bahasa Melayu di SJKC didominasi oleh guru berbangsa Cina. Guru Cina menggunakan bahasa Cina sebagai pendekatan mengajar dan murid pula akan menulis dalam bahasa Melayu berdasarkan apa yang diajar oleh guru. Pendekatan pengajaran seperti ini boleh menyebabkan murid Cina dan tidak terkecuali murid Melayu mengalami kekeliruan. Bukan itu sahaja, hasil pengajaran seperti ini akan menjadikan penulisan murid, iaitu banyak kesalahan akan berlaku dalam penulisan bahasa Melayu. Situasi ini akan menimbulkan masalah kepada murid Cina untuk mempelajari Bahasa Melayu di SJKC dengan baik dan sekiranya hal ini berterusan, mereka mungkin tidak akan mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Melayu meskipun telah tamat pembelajaran di tahun enam (Mohd Ridhuan, 2020).

### Cabarannya Guru Cina dalam Pengajaran Bahasa Melayu

Dunia pendidikan pada hari ini kian mencabar dan pelbagai anjakan telah berlaku demi meningkatkan mutu sistem pendidikan supaya tidak ketinggalan dalam arus pemodenan. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, guru-guru tidak terkecuali dalam berhadapan dengan banyak cabaran kerana guru merupakan salah satu pihak yang bertanggungjawab untuk menjayakan matlamat sistem pendidikan negara. Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu di SJKC, guru-guru Cina sememangnya menghadapi pelbagai cabaran. Antara cabaran tersebut termasuklah tahap minat murid Cina yang rendah terhadap bahasa Melayu, kurang motivasi murid cina untuk mempelajari bahasa Melayu, pengaruh bahasa ibunda dalam kalangan murid Cina dan murid Cina tidak menguasai kemahiran asas dalam bahasa Melayu.

### **Tahap Minat Murid Cina yang Rendah terhadap Bahasa Melayu**

Dalam pembelajaran Bahasa Melayu, murid Cina di SJKC menunjukkan tahap minat yang rendah. Abdul Rasid (2001) dalam kajiannya mendapati murid Cina tidak menguasai bahasa Melayu kerana kurangnya minat disebabkan menganggap bahasa Melayu agak sukar serta mengelirukan dan mereka juga mempamerkan minat yang rendah terhadap bahasa Melayu dengan tidak memberikan perhatian ketika guru sedang mengajar di dalam kelas. Hal ini berlaku disebabkan bahasa Melayu bukan bahasa ibunda atau bahasa pertama mereka. Ang dan Che Radiah (2012) dalam kajian mereka mendapati bahawa murid Cina menggunakan bahasa ibunda mereka dengan sepenuhnya dalam kehidupan sehari-hari manakala bahasa Melayu yang merupakan bahasa kedua mereka hanya digunakan semasa pembelajaran subjek Bahasa Melayu di sekolah. Menurut Archibald, Harmel & Jasney (2004), penguasaan murid Cina dalam bahasa pertama atau bahasa ibunda mereka menyebabkan bahasa pertama mereka mengganggu pembelajaran bahasa kedua, iaitu bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan murid Cina menjadi tidak berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu yang kerap dalam komunikasi harian dapat menjamin penguasaan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan murid Cina. Murid Cina yang mempelajari bahasa Melayu bermaksud mereka melalui proses mempelajari lakukan baharu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana setiap hari mereka bertutur dengan menggunakan bahasa ibunda mereka dan situasi ini menyebabkan alat artikulasi mereka sudah biasa dengan bahasa ibunda. Menurut Khairul Nizam (2017), proses penerimaan bahasa Melayu tidak berlaku secara semulajadi dan hal ini memerlukan murid bukan natif mempelajari kemahiran-kemahiran dalam bahasa Melayu terutamanya aspek kemahiran membaca dan menulis. Chee et al. (2016) menyatakan bahawa murid Cina yang mempelajari Bahasa Melayu di SJKC gagal dalam Ujian Bahasa Melayu kerana mereka mempunyai tahap minat yang rendah terhadap bahasa Melayu. Menurut Mohamad Yazid (2016), murid bukan Melayu beranggapan bahawa mempelajari bahasa Melayu adalah tidak penting. Mereka mempelajari bahasa Melayu bukan bermatlamat untuk memperoleh ilmu sebaliknya mereka ingin lulus dalam peperiksaan sahaja. Menurut Chew (2016), guru perlu merancang serta mentadbir pengajaran Bahasa Melayu dengan menarik dan sempurna supaya murid Cina tidak melakukan kesilapan dan pemahaman terhadap pembelajaran Bahasa Melayu semakin bertambah.

### **Kurang Motivasi Murid Cina untuk Mempelajari Bahasa Melayu**

Kurang motivasi juga merupakan salah satu faktor murid-murid Cina tidak dapat menguasai kemahiran asas dalam bahasa Melayu dengan baik. Menurut Nur Khazinatul Fateha dan Zamri (2016), minat dan sikap murid terhadap pembelajaran bahasa dapat ditingkatkan dengan adanya dorongan motivasi. Sudah terang lagi bersuluh, murid-murid Cina akan berkomunikasi dalam bahasa Cina dengan ibu bapa, rakan-rakan dan jiran mereka semasa di rumah. Oleh itu, mereka tidak mendapat galakan dan motivasi untuk bertutur menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan sehari-hari. Chee et al. (2016) dalam kajian mereka terhadap motivasi murid Cina SJKC menunjukkan bahawa persekitaran dan interaksi sosial memainkan peranan yang penting terhadap murid yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian tersebut membuktikan bahawa persekitaran murid yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mempunyai pengaruh yang besar. Murid-murid ini juga tidak mendapat motivasi daripada ibu bapa dek kerana ibu bapa mereka terlalu sibuk dengan hal atau urusan pekerjaan. Oleh hal yang demikian, segala masalah yang dihadapi oleh murid ini berhubung dengan pembelajaran bahasa Melayu semasa di rumah tidak akan mendapat tunjuk ajar dan bimbingan daripada ibu bapa mereka. Kurangnya motivasi untuk mempelajari bahasa Melayu semasa di rumah memberi satu beban kepada mereka, malah mereka akan menganggap bahasa Melayu

terlalu sukar. Kajian Tengku Nor Adila (2017) berkenaan faktor keluarga yang dapat memberi pengaruh terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris menjelaskan bahawa keluarga yang menunjukkan minat terhadap sesuatu bahasa itu mempunyai perhubungan yang rapat dengan pencapaian bahasa oleh seseorang murid. Hal ini jelas menunjukkan bahawa matlamat untuk menguasai bahasa kedua dengan baik oleh seseorang murid dapat direalisasikan melalui bantuan dan peranan yang dimainkan oleh keluarga.

### ***Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Kalangan Murid Cina***

Pengaruh bahasa ibunda amat kuat dan menjadi halangan dalam kalangan murid Cina untuk mempelajari bahasa Melayu dengan berkesan. Di Malaysia, murid bukan Melayu telah terdedah dengan bahasa ibunda sejak mereka dilahirkan (Khairul Nizam, 2017). Pengaruh dialek yang kuat memberikan kesan sehingga mereka melakukan banyak kesalahan dalam pertuturan mereka. Menurut Roasharimah (2017), jika setiap gangguan tidak diatasi dengan baik, maka akan menyebabkan penguasaan bahasa kedua akan terhalang. Pencapaian murid-murid Cina dalam pembelajaran Bahasa Melayu akan terjejas disebabkan halangan yang dihadapi mereka dalam menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini disokong oleh Mohamad Yazid (2016) yang mengatakan bahawa pengaruh bahasa ibunda telah mengakibatkan prestasi pembelajaran murid terjejas. Chew (2016) telah mengenal pasti masalah yang menghalang murid Cina di SJKC untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Melayu, iaitu murid kurang mengaplikasikan penggunaan bahasa Melayu dalam pertuturan disebabkan alat artikulasi mereka sudah biasa menggunakan bahasa ibunda yang digunakan sejak kecil. Mereka berkomunikasi menggunakan bahasa Cina sepenuhnya semasa di rumah dan di sekolah. Kebanyakan ibu bapa dan keluarga mereka turut menggunakan bahasa Cina dan kadangkala menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama pertuturan di rumah. Oleh itu, penggunaan bahasa Melayu oleh murid-murid Cina ini hanya ketika berada di sekolah sahaja. Apabila di rumah, mereka tidak lagi mempraktikkan dan menggunakan bahasa Melayu yang dipelajari oleh mereka di sekolah. Hal ini mengakibatkan murid-murid Cina tidak mahir dan fasih bertutur menggunakan bahasa Melayu serta berasa sukar untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pengaruh bahasa ibunda ini telah menjelaskan penulisan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Cina. Ayat-ayat yang ditulis oleh mereka menjadi tidak gramatis dan terlalu banyak terjemahan langsung daripada bahasa Cina yang menjelaskan keseluruhan ayat mereka. Kenyataan ini selari dengan kajian Punitha, Abdul Jalil & Sharir (2017) terhadap pelajar bangsa asing dewasa yang banyak terdedah dengan aktiviti menghafal kosa kata dan melakukan terjemahan langsung daripada bahasa ibunda sendiri bagi membantu mereka berbual dalam bahasa kedua dengan lancar.

### ***Murid Cina tidak Menguasai Kemahiran Asas dalam Bahasa Melayu***

Murid Cina kerap menghadapi masalah dalam aspek pertuturan dan sebutan. Hal ini telah mengakibatkan mereka menjadi tidak fasih berbahasa Melayu. Kemahiran bertutur amat penting untuk dikuasai oleh semua murid sama ada dalam situasi formal atau tidak formal. Menurut Syofia, Zamri dan Jamaludin (2015), kemahiran bertutur mempengaruhi kemahiran membaca dan kemahiran menulis murid. Menurut Zamri (2015), seseorang individu itu dapat menterjemahkan fikiran serta perasaan mereka dengan lebih berkesan apabila menguasai kemahiran bertutur. Selain kemahiran bertutur, masalah murid Cina juga adalah dalam kemahiran mendengar. Misalnya, murid Cina banyak melakukan kesalahan semasa melakukan latihan imlak. Mereka melakukan banyak kesalahan dalam latihan menulis imlak disebabkan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu yang kurang. Perkara ini juga berlaku kerana mereka tidak menguasai kemahiran mendengar bahasa Melayu dengan baik.

Kelemahan murid Cina juga ialah mereka tidak menguasai kemahiran membaca. Murid-murid Cina kebanyakannya tidak dapat membaca dalam bahasa Melayu dengan lancar dan ini menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Mereka juga lemah dalam membaca suku kata. Sesetengah murid masih tidak boleh membatangkan suku kata seperti KKKVK. Contohnya, perkataan *skrip*. Mereka akan menghadapi masalah untuk membatangkan suku kata seperti ini. Menurut Wan Dyarudin (2017), jika murid masih lemah dalam menguasai kemahiran kefahaman membaca, mereka akan mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran membaca pada peringkat yang lebih kompleks. Masalah ini menjelaskan bahawa murid Cina akan menghadapi masalah dalam penguasaan bahasa Melayu sekiranya mereka tidak dapat menguasai kemahiran membaca dengan baik.

Selain itu, kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh murid Cina di SJKC ialah kesalahan dalam kemahiran menulis. Untuk menulis ayat yang gramatis menjadi satu kesukaran dan masalah kepada murid-murid Cina. Kesalahan ejaan dan struktur ayat yang tidak tepat banyak dilakukan oleh murid Cina dalam penulisan mereka. Sebagai contoh, mereka kerap mengeja perkataan secara salah dan tidak betul seperti *berkerja*, *bertanggung jawab*. Sepatutnya *bekerja*, *bertanggungjawab*. Kesalahan-kesalahan ejaan yang dikenal pasti ini adalah disebabkan mereka kurang membaca, kurang bertutur dalam bahasa Melayu dan lemah dalam penguasaan kota kata bahasa Melayu. Oleh itu, mereka menghadapi masalah untuk menghasilkan penulisan yang baik. Mereka tidak dapat memilih kosa kata yang sesuai untuk digunakan dalam penulisan mereka meskipun mereka mempunyai idea yang beras untuk ditulis dalam penulisan mereka. Implikasinya, murid-murid Cina akan menjadi sukar untuk mengembangkan idea dalam penulisan mereka. Disebabkan itu, murid Cina akan melakukan terjemahan terus daripada bahasa Cina ke dalam ayat bahasa Melayu mereka. Menurut Zamri (2016), bahasa ibunda akan mempengaruhi pembelajaran bahasa Melayu murid bukan Melayu. Makna dalam ayat mereka akan menjadi terpesong disebabkan berlakunya terjemahan seperti ini di samping struktur ayat pula menjadi tidak gramatis. Situasi ini menggambarkan bahawa satu perancangan pengajaran yang sesuai dan menarik amatlah perlu untuk meningkatkan lagi kemahiran menulis murid. Hal ini bertepatan dengan kajian Sumarni (2017) yang menyatakan bahawa pembelajaran kemahiran menulis murid berada pada tahap yang baik apabila guru mengaplikasikan penggunaan Internet dalam pengajaran.

Seterusnya, murid Cina di SJKC juga kerap melakukan kesalahan dalam aspek tatabahasa. Mereka kerap melakukan kesalahan dalam aspek imbuhan. Contohnya, kesalahan imbuhan yang melibatkan huruf p, t, k dan s. Murid tidak tahu menggunakan imbuhan yang betul dan melakukan banyak kesalahan seperti menulis *mempukul*, *mentarik*, *penkarang*, *menserah*. Sepatutnya perkataan ini ditulis seperti *memukul*, *menarik*, *pengarang*, *menyerah*. Berdasarkan hukum tatabahasa, huruf p, t, k dan s akan menghasilkan perubahan bunyi apabila diimbuhkan kepada awalan meN dan peN (Nik Safiah, 2014). Selain itu, kesalahan dalam imbuhan yang dilakukan oleh murid Cina juga seperti meletakkan imbuhan yang tidak tepat pada kata tunggal. Contohnya, perkataan *hitung* apabila diimbuhkan dengan imbuhan meN- akan menjadi *menghitung*. Tetapi, murid Cina kerap menulis perkataan ini menjadi *menhitung*. Berdasarkan kesalahan-kesalahan ini jelas menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid Cina di SJKC dalam aspek imbuhan adalah rendah (Noor Zila, 2015).

Chee (2014) turut menjalankan kajian dan hasil kajian tersebut menjelaskan bahawa murid SJKC masih tidak menguasai penggunaan imbuhan awalan yang betul bagi perkataan *gunakan* dengan kekeliruan alomorf men dan me. Kajian tersebut juga menjelaskan bahawa terdapat murid Tahap 2 mengemukakan jawapan yang tidak tepat berkenaan imbuhan. Selain itu, terdapat ramai murid yang tidak dapat mengemukakan imbuhan yang betul bagi perkataan *basuh*. Imbuhan yang diberikan oleh mereka tidak tepat, iaitu mereka menyatakan bahawa imbuhan bagi perkataan *basuh* ialah men. Keputusan kajian tersebut membuktikan bahawa murid Cina di SJKC masih tidak menguasai proses pengimbuhan, terutamanya imbuhan awalan meN. Kurang penguasaan dalam aspek pengimbuhan ini akan menjelaskan penulisan bahasa Melayu murid. Justeru, murid perlu disediakan dengan latihan yang sesuai agar masalah dalam aspek imbuhan ini dapat diatasi dan tidak berterusan. Hal ini kerana imbuhan memainkan peranan yang sangat penting untuk menyampaikan sesuatu maksud perkataan atau ayat. Sesuatu maksud dapat disampaikan dengan baik melalui perkataan atau ayat yang ditulis atau diujar serta dari sudut yang berbeza, maksud sesuatu perkataan atau ayat yang dituju kepada seseorang dapat difahami dengan jelas apabila aspek imbuhan difahami dengan baik (Salinah dan Rohaidah, 2016).

Sesungguhnya, masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina di SJKC ini memberikan cabaran kepada guru Cina yang mengajarkan Bahasa Melayu di SJKC. Nur Syafiah (2014) telah menjalankan satu kajian kes tentang penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar etnik Cina di Sekolah Menengah Persendirian Cina. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa sikap, motivasi, keluarga, bahasa ibunda dan persekitaran merupakan faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina. Faktor-faktor ini yang menyebabkan pembelajaran bahasa Melayu murid Cina terhalang dan menyukarkan mereka untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Mereka juga masih tidak dapat bertutur dengan fasih meskipun bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Selain itu, murid Cina juga memperlihatkan masalah dalam penguasaan bahasa Melayu dengan kerap melakukan kesalahan tatabahasa dalam pertuturan mereka.

### Cadangan

Terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Melayu di SJKC dan memastikan pencapaian murid Cina memuaskan. Antaranya, guru perlu mengaplikasikan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik yang sesuai dalam pengajaran Bahasa Melayu mereka. Pengajaran guru yang berkesan dapat mencungkil minat murid terhadap bahasa Melayu serta menjadikan mereka sentiasa berfikiran dan mempunyai persepsi yang positif untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih mendalam. Usaha murni ini pasti dapat mendorong murid Cina agar menyukai bahasa Melayu serta sentiasa berusaha untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu demi meningkatkan penguasaan dan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Menurut Nor Amalina dan Zanaton (2018), dalam mengikuti arus perkembangan dunia teknologi dan permintaan kerjaya pada hari ini, guru harus melakukan perubahan dan menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai. Zamri (2015) menyatakan bahawa gaya dan strategi pembelajaran yang digunakan mempunyai hubungan dengan kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran. Walau bagaimanapun, hasrat untuk memastikan murid mengecapi kecemerlangan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sukar dicapai jika gaya serta cara pengajaran guru masih tidak berubah mengikut arus teknologi terkini dan pembelajaran murid pula tertumpu kepada kaedah menghafal konsep-konsep sesuatu topik dan mengeluarkan semula apa yang dihafal tersebut tanpa memahaminya. Guru yang menggunakan kaedah yang pelbagai dalam pengajarannya dapat menarik minat

murid untuk melibatkan diri secara aktif serta seronok dalam pembelajaran dan mampu meningkatkan kefahaman dalam kalangan murid (Zamri, Rusli & Mohamed Amin, 2015). Merancang pendekatan, strategi, kaedah atau teknik pengajaran amatlah penting kerana guru berhadapan dengan murid yang pelbagai latar belakang semasa mengajar di dalam kelas dan perancangan ini penting agar pengajaran yang berlaku sesuai dengan tahap kecerdasan dan keupayaan murid dalam menerima isi pembelajaran pada hari itu (Zamri et al., 2015). Berdasarkan kenyataan ini, guru harus membuat perancangan yang mantap sebelum menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu supaya murid dapat menerima semua input yang disampaikan dengan mudah.

Selain itu, guru mestilah mendalamai bidang Bahasa Melayu untuk menjadi insan pendidik yang mahir dan pakar serta berupaya merancang dan menyampaikan pengajaran Bahasa Melayu dengan lebih berkesan. Magdeline dan Zamri (2014) menyatakan bahawa apabila guru memiliki ilmu pengetahuan yang mendalam tentang kandungan pengajaran, mereka mudah untuk membuat persediaan serta perancangan mengajar yang lebih baik dan menarik kepada murid. Menurut Nurzarina dan Roslinda (2017), dalam mendepani dunia pendidikan pada masa kini, para guru dituntut agar mendalamai bidang kurikulum, meningkatkan keterampilan diri, menguasai serta mahir dalam ilmu pedagogi dan mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang psikologi pembelajaran. Roa'ani dan Nor Rul Azlifah (2019) pula mengatakan bahawa guru perlu merancang PdP Bahasa Melayu yang berkesan terutamanya guru bukan opsyen Bahasa Melayu yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Perancangan ini amat penting supaya strategi yang digunakan dalam PdP sesuai dengan tahap murid.

Bukan itu sahaja, guru juga haruslah mengenal pasti kepelbagaiian murid di dalam kelas agar pengajaran Bahasa Melayu dapat berjalan dengan lancar tanpa ada murid yang tercicir. Zamri et al. (2015) berpendapat bahawa guru harus mengambil berat dan memberikan perhatian yang lebih terhadap perbezaan murid di dalam kelas semasa berlakunya proses PdP. Tindakan ini amat wajar untuk mengelakkan murid daripada ketinggalan atau keciciran dalam pelajaran Bahasa Melayu. Guru yang sentiasa berusaha untuk mendekati dan mengenali murid secara lebih dekat dapat menghasilkan pengajaran yang lebih berkesan dan bermakna. Graue (2016) memberikan cadangan agar aspek perkembangan murid sentiasa diberikan perhatian dan penekanan oleh guru kerana melalui cara ini guru dapat mengenal pasti sama ada seseorang murid itu mempunyai keperibadian seperti emosi, bahasa, sosial, fizikal dan kognitif. Implikasinya, guru akan menjadi lebih prihatin untuk meletakkan harapan kepada murid tersebut semasa proses PdP di dalam kelas. Seterusnya, salah satu elemen dalam mengenal pasti individu murid adalah menyedari kepelbagaiian latar belakang serta keunikan murid seperti minat, bahasa, pengalaman, kehendak, ilmu, kemampuan dan kesabaran. Kenyataan yang dikemukakan oleh Bredekamp dan Copple (2016) ini bermaksud sekiranya guru peka akan latar belakang dan sosial murid, maka seseorang guru itu akan bersikap terbuka serta menerima pendapat daripada pelbagai pihak dalam membuat perancangan dan keputusan tentang perkembangan murid.

Di samping itu, seseorang guru wajar menunjukkan sikap yang positif dan minat yang mendalam serta semangat yang jitu dalam pengajaran Bahasa Melayu. Seseorang murid tidak akan berminat untuk belajar di dalam kelas jika guru tidak menunjukkan sikap yang baik dan semangat yang kuat dalam pengajarannya. Hal ini bermaksud suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik adalah bergantung kepada peranan guru itu semasa di dalam kelas. Kajian Keller, Neumann dan Fischer (2016) membuktikan bahawa guru merupakan

individu yang mempunyai pengaruh yang besar kerana dapat memupuk minat murid bagi meminati sesuatu mata pelajaran yang sukar. Murid-murid di dalam kelas akan berasa teruja dan gembira untuk belajar apabila guru bertindak sebagai pemimpin yang baik. Tambahan lagi, murid akan bertambah selesa dan mempunyai inisiatif untuk menguasai sesuatu tajuk yang dipelajari sekiranya terdapat hubungan yang baik antara guru dengan murid. Patrick, Esther & Zuraimi (2016) menyatakan bahawa murid akan mencari dan merujuk guru apabila menghadapi sesuatu masalah berkaitan pembelajaran semasa di sekolah. Lebih peting lagi, setiap guru haruslah mempamerkan sikap menghargai setiap murid di dalam kelas. Menurut Norman dan Judith (2017), sikap yang baik terhadap pengajaran di dalam kelas sering dipamerkan oleh guru yang berkaliber. Misalnya, menerima pendapat atau pandangan daripada murid serta sentiasa memberikan kata-kata yang positif dan membina sebagai tanda menghargai murid. Sikap guru merupakan salah satu elemen yang penting dan perlu diutamakan dalam membentuk dan mempengaruhi seseorang murid untuk meminati sesuatu mata pelajaran. Hal ini menjelaskan bahawa guru mempunyai pengaruh yang sangat besar kerana berupaya mengubah tingkah laku seseorang murid. Tambahan pula, guru juga sememangnya bertindak sebagai agen perubahan kepada masyarakat di samping tugas utamanya mendidik murid.

Seterusnya, ibu bapa hendaklah sentiasa bekerjasama dengan guru untuk meningkatkan minat dan semangat anak-anak dalam mempelajari bahasa Melayu. Ibu bapa perlu mengambil berat tentang perkembangan bahasa Melayu anak-anak mereka dengan selalu bertanya kepada guru. Peranan ibu bapa amat penting kerana ibu bapa berupaya untuk mempengaruhi anak-anak agar meminati dan memupuk rasa cinta akan bahasa Melayu dalam diri. Hal ini kerana apabila anak-anak mempunyai kesedaran akan hal ini, mereka sudah pasti ingin mempelajari dan menyukai bahasa Melayu. Zaliza dan Zaitul Azma (2014) menyatakan bahawa faktor paling utama yang mempengaruhi seseorang untuk mempelajari sesuatu bahasa ialah faktor diri sendiri. Selain itu, ibu bapa harus menggunakan masa yang ada bersama-sama anak untuk menerangkan dan menjelaskan kepada anak-anak mereka tentang kepentingan mempelajari bahasa Melayu sebagai rakyat Malaysia. Tindakan ibu bapa ini dapat menyedarkan anak-anak akan perihal pentingnya mempelajari bahasa Melayu. Dengan adanya kesedaran ini, persepsi yang positif dan sikap untuk meminati bahasa Melayu dapat diterapkan dalam diri mereka. Hal ini juga akan menjadikan mereka lebih bermotivasi untuk mempelajari dan meminati bahasa Melayu serta menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Seseorang individu tidak akan berasa sukar untuk mempelajari serta menguasai bahasa kedua sekiranya dia mempunyai minat yang mendalam dan bermotivasi untuk berjaya dalam bidang bahasa (Zamri et al., 2015). Ibu bapa juga boleh menunjukkan sokongan kepada anak-anak mereka untuk meminati bahasa Melayu dengan cara membeli buku atau bahan bacaan bahasa Melayu yang disukai oleh anak-anak. Kerjasama yang ibu bapa perlu berikan kepada guru adalah dengan memantau anak-anak dalam membuat tugas Bahasa Melayu yang diberikan oleh guru. Selain itu, ibu bapa perlulah sentiasa membiasakan anak-anak mereka menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan. Perkara ini boleh menjadi satu latihan secara tidak langsung untuk murid-murid. Selain murid menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi harian, ibu bapa harus memberikan rangsangan yang kuat kepada mereka untuk terus menggunakan bahasa Melayu.

## Kesimpulan

Pengajaran Bahasa Melayu di SJKC memberikan banyak cabaran kepada guru-guru Cina kerana kebanyakan guru-guru Cina bukan mengkhusus dalam bidang Bahasa Melayu. Selain itu, cabaran ini juga berlaku disebabkan murid-murid Cina di SJKC bukanlah penutur jati

bahasa Melayu. Hal ini menjadi satu kekangan dan cabaran kepada guru Cina untuk menyampaikan pengajaran Bahasa Melayu dengan berkesan. Pencapaian murid Cina dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dapat menggambarkan tahap sikap dan minat mereka terhadap mata pelajaran ini. Pencapaian murid Cina yang rendah dalam mata pelajaran ini amat jelas membuktikan bahawa murid Cina masih kurang kesedaran akan pentingnya untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Hal ini sememangnya dipengaruhi oleh faktor persekitaran mereka. Tiada dorongan serta motivasi untuk bertutur dan menggunakan bahasa Melayu akan menyukarkan murid Cina untuk menguasai bahasa Melayu dengan berkesan. Sesungguhnya, pembelajaran Bahasa Melayu bagi penutur bahasa kedua di sekolah memerlukan kreativiti dan kemahiran seseorang guru untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan pengajaran Bahasa Melayu dapat dikuasai oleh murid. Sharala, Zamri, Jamaludin, Nik Mohd Rahimi dan Mohamed Amin (2014) menyatakan bahawa guru memikul peranan yang besar dan penting dalam pengajaran Bahasa Melayu. Peranan guru tersebut termasuklah menambahkan dan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang luas tentang bahasa serta budaya bagi bahasa pertama dan bahasa kedua seseorang murid di dalam kelas. Kepekaan guru akan keadaan ini amat penting dalam memastikan pencapaian murid bahasa kedua ini lebih berkesan dan bermakna serta terus ditingkatkan ke tahap yang lebih baik. Para guru, pihak pentadbir sekolah dan KPM perlu menjalankan usaha dan kerjasama yang padu untuk memastikan kemahiran-kemahiran asas dalam bahasa Melayu dikuasai oleh semua murid. Tahap pencapaian dan penguasaan yang baik dalam bahasa Melayu mampu melahirkan murid yang memiliki jati diri yang unggul serta dapat menghasilkan warganegara yang mempunyai keperibadian yang cemerlang. Oleh itu, semua murid perlu dibudayakan dan didedahkan dengan penggunaan bahasa Melayu yang betul semasa berkomunikasi sejak mereka berada di sekolah rendah lagi. Penggunaan bahasa Melayu sejak kecil amatlah perlu dalam usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu itu sendiri. Menurut Fadzilah et al. (2015), bahasa Melayu dapat dimartabatkan apabila setiap individu menguasai kemahiran-kemahiran dalam bahasa Melayu dengan baik, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan kemahiran menulis. Berdasarkan kertas konsep ini, beberapa isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru Cina dalam pengajaran Bahasa Melayu di SJKC dapat dirungkai dan dijelaskan untuk perhatian semua pihak. Isu dan cabaran yang diketengahkan melalui kertas konsep ini dapat dijadikan satu perkara penting yang perlu diatasi oleh KPM agar pengajaran Bahasa Melayu di SJKC dapat mencapai tahap optimum dan mampu mencipta kecemerlangan setanding dengan sekolah-sekolah lain di negara ini. Justeru, semua pihak dalam bidang pendidikan perlu memandang serius terhadap isu ini agar cabaran-cabaran yang dinyatakan dalam kertas konsep ini berjaya diatasi dengan segera demi kejayaan bersama.

## Rujukan

- Abdul Rasid Jamian. (2001). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu. *Jurnal Bahasa*, 1(4), 445-482.
- Archibald, J., Roy, S., Harmel, S., & Jasney, K. (2004). *A review of the literature on second language learning* [Research Project, University of Calgary].
- Ang, L. H., & Che Radiah Mezah. (2012). Masalah penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik Cina di Malaysia. *Sosio Humanika-Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(2), 215-226.
- Awang Sariyan. (2016). *Mencari makna diri Melayu. Renungan untuk bangsaku* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amirra Shazreena Aminul Razin & Subramaniam, V. L. (2019). Kesalahan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam kalangan murid Sekolah Jenis Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

- Kebangsaan Tamil berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 7(1), 3-13.
- Bredenkamp, S., & Copple, C. (2016). *Developmentally appropriate practice for early childhood programs* (Revised Edition). Washington, DC: NAEYC.
- Chee, H. O. (2014). Pengaruh bahasa pertama dalam pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 1(2), 273-287.
- Chew, F. P. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10-22.
- Chee, H. O., & Subramaniam, V. L. (2016). Tahap motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *'Ulum Islammiyah Journal*, 115-130.
- Fadzilah Abd Rahman & Norazlina Mohd Kiram. (2015). Bahasa Melayu sebagai bahasa negara bangsa: Kepentingan melaksanakan Ujian Kecekapan Bahasa Melayu. *Jurnal Mahawangsa*, 2(1), 15-28.
- Graue, E. (2016). What's going on in the children's garden today? *Young Children*, 12, 67-73.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Tahun Enam*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Keller, M. M., Neumann, K., & Fischer, H. E. (2016). The impact of physics teachers' pedagogical content knowledge and motivation on students' achievement and interest. *Journal of Research in Science Teaching*, 54(1), 586-614.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. (2017a). Penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6(10), 1-11.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. (2017b). *Penerimaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar India* [Disertai Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia].
- Magdaline Anak Nor & Zamri Mahamod. (2014). Penterjemahan pengetahuan pedagogi kandungan dalam proses tindakan guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman bukan opsyen. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 37-49.
- Mahzan Arshad. (2016). *Prinsip dan amalan dalam pengajaran. Literasi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Yazid Mohamad. (2016). *Kekerapan penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina* [Tesis Master, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2020). Guru Cina ajar Bahasa Melayu dalam Mandarin? Dimuat turun daripada <https://ismaweb.net/2020/09/22/guru-cina-ajar-bahasa-melayu-dalam-mandarin-siasat-segera/>
- Nur Syafiah Mohd Isa. (2014). *Penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar etnik Cina di Sekolah Menengah Persendirian Cina: Satu kajian kes* [Tesis Master, Universiti Malaysia Sabah].
- Noor Zila Md. Yusuf. (2015). *Bahasa antara dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua* [Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia].
- Noraini Omar. (2015). *Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berfokuskan kepelbagaian budaya murid: Kajian kes di negeri Sarawak* [Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia].

- Nur Khazinatul Fateha Kamarruddin & Zamri Mahamod. (2016). Sikap, motivasi dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan Kesusastraan Bahasa Melayu, Bangi*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norman, G. L., & Judith, S. L. (2017). The education and evaluation of effective teaching: The continuing challenge for teacher educators and schools of education. *Journal of Science Teacher Education*, 28(7), 567-573.
- Nurzarina Amran & Roslinda Rosli. (2017). Kefahaman guru tentang kemahiran abad ke-21. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Komunikasi. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2) JILID 1, Selangor* (pp. 110-114). Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Nurhijrah Zakaria. (2017). *Elemen kompetensi pelbagai budaya dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah* [Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Nor Amalina Ab Hakim & Zanaton Iksan. (2018). Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. *Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (ISPEN 2018)*, Kuala Lumpur (pp. 72-82). Universiti Malaya.
- Patrick, G., Esther, C., & Zuraimi Zakaria. (2016). Scaffolding instruction where it matters: Teachers' shift from deficit approach to developmental model of learning. *Journal of Education and Practice*, 7(23), 144-152.
- Muniandy, P. V., Abdul Jalil Othman & Sharir Jamaluddin. (2017). Kesan kemahiran bertutur dalam bahasa Malaysia secara kaedah pembelajaran informal dalam kalangan penutur asing dewasa: Satu pandangan pembelajaran berterusan. *JuKu Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(4), 21-31.
- Roasharimah Ibrahim. (2017). *Faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu murid-murid Cina* [Tesis Master, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Roa'ani Mohamed & Nor Rul Azlifah Zulkafali. (2019). Keberkesanan pendekatan pedagogi terbeza dalam PdPc Bahasa Melayu kelas peralihan: Satu kajian tindakan di sebuah sekolah di Kuantan. *Journal of Sciences and Management Research*, 5(2), 68-86.
- Sharala Subramiam, Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi & Mohamed Amin. (2014). Penggunaan dan kekerapan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 25-35.
- Syofia Ulfah, Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2015). Komunikasi interpersonal direktif guru Bahasa Indonesia ketika memulakan pengajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 71-82.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. (2016). Kesilapan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 196-209.
- Lapamu, S. (2017). *Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap penggunaan pembelajaran persekitaran maya (Vle) Frog dalam pendidikan Bahasa Melayu* [Tesis Master, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Teo, K. S. (2014). Siri wacana pemartabatan bahasa kebangsaan, Muzium Diraja, Istana Negara Lama. Kuala Lumpur pada 24 Februari 2014.
- Tengku Nor Adila Tengku Mohamed Salim. (2017). *Pengaruh sosial terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu murid peribumi Daerah Bintulu* [Tesis Master, Universiti Kebangsaan Malaysia].

- Wan Dyarudin Wan Mustappa. (2017). Keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam pengajaran kefahaman membaca di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 1-10.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415.
- Zamri Mahamod. (2015). *Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod, Rusli Amin & Mohamed Amin Embi. (2015). *Kepelbagaiannya pelajar dan perbezaan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. (2016). *Sosiolinguistik dan pengajaran bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2016). Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 38-51.